

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM  
TINGKATAN LIMA TAHUN 2024  
BAHASA MELAYU  
1103/1(PPCBN)  
Kertas 1  
Peraturan Pemarkahan**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

**SKEMA JAWAPAN BAHASA MELAYU K1**

## **BAHAGIAN A [30 MARKAH]**

### **Soalan :**

Grafik dan maklumat di bawah berkaitan dengan murid cemerlang.

Berdasarkan maklumat tersebut,uraikan pendapat anda tentang **ciri-ciri murid cemerlang**.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

#### **1. Format Penulisan komen:**

T – menepati tugas

I – relevan, huraian jelas

B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas

P – sangat menarik dan berkesan

#### **2. Tugasan soalan :**

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **ciri-ciri murid cemerlang**.
  - ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan iaitu:
    - Bahan 1- murid cemerlang diiktiraf
    - Bahan 2- rajin mengulang kaji pelajaran
    - Bahan 3 – aktif dalam kokurikulum
  - iii. calon perlu **menyentuh semua bahan** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
  - iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **ciri-ciri murid cemerlang** - diterima dan disemak seperti biasa.
  - v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan- maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
  - vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhirmaksimum peringkat **KEPUJIAN**.
  - vii. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan- maksimum peringkat **MEMUASKAN**.
- Jika calon menulis dalam bentuk poin- maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUSAAN MINIMUM (TMTPM)**

## **KRITERIA PENSKORAN**

### **BAHAGIAN A**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<p style="text-align: center;"><b>26 – 30</b></p> <p style="text-align: center;">atas (28 – 30)</p> <p style="text-align: center;">(26 – 27) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <u>menepati</u> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut SistemEjaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <u>tepat</u>.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <u>ungkapan yang menarik</u> (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan)</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan <u>matang</u>.</li> </ul>
Kepujian	<p style="text-align: center;"><b>20 – 25</b></p> <p style="text-align: center;">atas (23 – 25)</p> <p style="text-align: center;">(20 – 22) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <u>menepati</u> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata <u>luas</u>.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan <u>jelas</u>.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>Memuaskan</b>	<b>15 – 19</b> atas (17 – 19)  (15 – 16) bawah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>masih</u></b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b><u>masih</u></b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b><u>masih</u></b> betul dan tepat. Ejaan <b><u>masih</u></b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Wacananya <b><u>masih</u></b> lengkap. Unsur bahasa <b><u>masih</u></b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b><u>masih</u></b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b><u>masih</u></b> jelas.</li> </ul>
<b>Kurang Memuaskan</b>	<b>10 – 14</b> atas (12 – 14)  (10 – 11) bawah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>kurang</u></b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b><u>kurang</u></b> gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <b><u>kesalahan ejaan yang ketara</u></b>. Penggunaan kosa kata <b><u>terhad</u></b>.</li> <li>• Wacana <b><u>kurang</u></b> lengkap. Unsur bahasa <b><u>kurang</u></b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b><u>kurang relevan</u></b> dengan tema bahan rangsangan dan huraianya <b><u>kurang jelas</u></b>.</li> </ul>
<b>Pencapaian Minimun</b>	<b>01 – 09</b> atas (06 – 09)  (01 – 05) bawah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b><u>tidak</u></b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>a. <b><u>Banyak</u></b> kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Idea <b><u>tidak</u></b> menepati tema bahan rangsangan.</li> </ul>

Karangan melebihi 200 patah perkataan – tidak layak cemerlang

## BM SPM KERTAS 1 : KOMEN PEMERIKSA BAHAGIAN B

PERINGKAT	KRITERIA
<b>CEMERLANG</b> <b>64 - 70</b> (68 - 70) (64 - 67)	<u><b>CEMERLANG</b></u> <b>T</b> -menjawab tugasan <b>I</b> -Relevan, Huraian - jelas & matang Contoh – sesuai <b>B</b> -Gramatis dari segi kata & ayat Kosa kata - luas dan tepat <b>P</b> -Sangat menarik dan berkesan  Contoh ungkapan menarik : peribahasa, frasa, petikan ucapan, petikan pujangga, cogan kata, pantun dll.
<b>KEPUJIAN</b> <b>55 - 63</b> (59 – 63) (55 – 58)	<u><b>KEPUJIAN</b></u> <b>T</b> -Menjawab tugasan <b>I</b> -Relevan, Huraian – jelas Contoh – sesuai <b>B</b> -Gramatis dr segi kata dan ayat Kosa kata - luas dan tepat, terdapat kesalahan minimum <b>P</b> -Menarik dan berkesan
<b>BAIK</b> <b>45 - 54</b> (50 - 54) (45 - 49)	<u><b>BAIK</b></u> <b>T</b> -Karangan masih menjawab tugasan <b>I</b> -Masih relevan, Huraian – masih jelas Contoh – masih sesuai <b>B</b> -Gramatis dr segi kata & ayat, Kosa kata - umum, terdapat kesalahan minimum <b>P</b> -Masih menarik
<b>MEMUASKAN</b> <b>35 - 44</b> (40 - 44) (35 - 39)	<u><b>MEMUASKAN</b></u> <b>T</b> -Karangan masih / kurang menjawab tugasan <b>I</b> -Masih relevan, Huraian – kurang jelas Contoh – kurang sesuai <b>B</b> -Kurang gramatis dr segi kata dan ayat Kosa kata - umum dan terhad <b>P</b> -Kurang menarik
<b>PENGUASAAN MINIMUM</b> <b>21 - 35</b> (28 - 35) (21 - 27)	<u><b>PENGUASAAN MINUMUM</b></u> <b>T</b> -Karangan kurang menjawab tugasan <b>I</b> -Masih relevan, Huraian – tidak jelas / tidak berkembang, bercampur aduk, Contoh – tidak sesuai <b>B</b> -Tidak gramatis dr segi kata dan ayat Kosa kata - umum dan terhad <b>P</b> -Tidak menarik
<b>TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM</b> <b>01 - 20</b> (11 - 20) (01 - 10)	<u><b>TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM</b></u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami</li> <li>• Idea tidak relevan / bercampur aduk, Huraian tidak jelas / tidak berkembang, Contoh tidak sesuai</li> </ul>

**PENOLAKAN MARKAH**

Ejaan – tiada

Format – tiada

Karangan melebihi 500 patah perkataan – tidak layak cemerlang

## **SOALAN BAHAGIAN B (70 markah)**

### **Format Penulisan komen:**

- T – menjawab tugasan  
I – relevan, huraian jelas  
B – gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas  
P – sangat menarik dan berkesan

### **Soalan 1**

a. Kehendak/ tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan menulis sebuah **rencana** tentang punca-punca berlakunya masalah sosial dalam kalangan remaja di Malaysia yang ada dalam petikan iaitu:

- Masalah keluarga
- Pengaruh media massa
- Pengaruh rakan sebaya

b. Kemungkinan jawapan calon:

1. Menggunakan **kesemua isi** yang diberikan - Layak cemerlang
2. Menggunakan **sebahagian isi** dan ditambah dengan **isi sendiri** - Tidak layak cemerlang
3. **Tidak menggunakan langsung isi** yang diberikan sebaliknya **menggunakan idea sendiri** - Maksimum peringkat baik.
4. Tidak menulis format rencana – **tidak layak cemerlang**

### **Soalan 2**

a. Kehendak/ tugasan soalan

Calon dikehendaki membincangkan **usaha-usaha untuk meluaskan pemasaran hasil pertanian dalam negara** iaitu:

- Penjualan secara dalam talian
- Pasar Tani
- Karnival

Kemungkinan jawapan calon:

- Calon membincangkan semua isi dalam petikan dan idea-idea lain berkaitan - **terima seperti biasa. Layak Cemerlang**
- Calon membincangkan **sebahagian isi** dalam petikan dan ditambah dengan isi sendiri - **Maksimum - Kepujian**
- Calon membincangkan **idea lain** tanpa menyentuh idea dalam petikan-**maksimum baik.**

### Soalan 3

- a. Kehendak/ tugasan soalan

Calon dikehendaki menghuraikan **persediaan-persediaan menghadapi alam pekerjaan**

yang ada dalam syair iaitu:

- Menimba ilmu pengetahuan
- Kemahiran komunikasi
- Kemahiran ICT

- b. Kemungkinan jawapan calon:

1. Menggunakan **kesemua isi** yang diberikan - Layak cemerlang
2. Menggunakan **sebahagian isi** dan ditambah dengan **isi sendiri** - Tidak layak cemerlang
3. **Tidak menggunakan langsung isi** yang diberikan sebaliknya **menggunakan idea sendiri** - Maksimum peringkat baik.

### Soalan 4

- a. Kehendak/ Tugasan soalan:

Calon dikehendaki menghuraikan **kepentingan mempelajari mata Pelajaran Sejarah selain daripada yang dinyatakan dalam soalan.**

- b. Cadangan isi:

- Memupuk semangat patriotik
  - Menyemai perpaduan antara kaum
  - Mempelajari kesilapan masa lalu
  - Menghargai budaya dan warisan negara
  - Memahami landskap politik negara
- Menghuraikan isi yang dinyatakan dalam stimulus (DAPAT MEMELIHARA KEDAULATAN NEGARA) – maksimum KEPUJIAN
- 

### CATATAN:

- Jika calon menulis dalam bentuk poin-maksimum peringkat tidak mencapai tahap penguasaan minimum (TMTPM).
- Bilangan perkataan 511 dan ke atas- maksimum peringkat KEPUJIAN.
- Bilangan perkataan 339 dan ke bawah- maksimum peringkat BAIK.